



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PRIMINIS DIBINA HASIL KAJIAN MENYELURUH, MANFAAT KEPADA PEKEBUN KECIL – AHMAD, BERNAMEA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	COVID- 19: STOK BEKALAN MAKANAN NEGARA CUKUP, SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -7	
3.	BISNES DALAM TALIAN BANTU NELAYAN, PETANI, SUARA, SINAR HARIAN -14	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2020	BERNAMA	ONLINE	

RRIMINIS dibina hasil kajian menyeluruh, manfaat kepada pekebun kecil - Ahmad



MELAKA, 28 Mei -- Projek Rubber Research Institute Malaysia Mini Station (RRIMINIS) Lembaga Getah Malaysia (LGM) di Jasin dibina hasil daripada kajian menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai manfaat untuk pekebun kecil dan industri getah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata projek berkeluasan 58.5 hektar yang diluluskan LGM pada 2010 itu turut mengambil kira impak kewangan terhadap kerajaan dan bukan dibina atas kepentingan politik semata-mata.

"Fakta penting mengenai Jasin ialah daerah ini mempunyai keluasan tanaman getah yang tertinggi di Melaka iaitu meliputi lebih 48 peratus keluasan tanaman getah daripada jumlah

keseluruhan dan bilangan pekebun kecil juga tertinggi berbanding kawasan lain di negeri ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata pembinaan RRIMINIS yang kini siap lebih 73 peratus di Jasin juga akan dijadikan ibu pejabat LGM Negeri Melaka bagi menggantikan pejabat semasa iaitu di lot rumah persendirian di kawasan perumahan di Bukit Baru, di sini.

"Atas rundingan dengan Kerajaan Negeri, tapak projek itu telah dibeli pada 2012 dengan harga lebih rendah iaitu RM13 juta dan kini tapaknya dianggarkan bernilai lebih RM38 juta iaitu 65 peratus kenaikan mengikut penilaian akhir 2019 dan merupakan pelaburan baik bagi LGM.

"LGM menetapkan harga siling bagi pembangunan fiskal projek itu sebanyak RM30 juta, dan nilai ini tidak berubah sehingga tahun ini dengan projek diambil alih oleh kontraktor lantikan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang baharu.

"Sehubungan itu, dakwaan bahawa kos projek itu meningkat adalah tidak berasas," katanya.

Menurut beliau, walaupun berdepan dengan pelbagai masalah, LGM masih dapat mengekalkan harga siling projek pembangunan tersebut pada RM30 juta dan tidak terdapat peningkatan sebanyak RM10 juta hingga RM20 juta seperti yang didakwa sebelum ini.

Beliau berkata projek yang bermula pada 2014 dan dijangka siap pada 2016 terpaksa dihentikan pada November 2016 disebabkan masalah kontraktor, namun sekali lagi kerja-kerja oleh kontraktor baharu dihentikan atas arahan kerajaan pada Mei 2018.

"Projek sekali lagi terpaksa dihentikan dan proses pemilihan kontraktor telah dilakukan semula dan akhirnya dilantik pada Februari tahun ini.

"Ringkasnya, masalah utama bagi kelewatan projek ini adalah disebabkan isu pelantikan kontraktor penyambung atau penyelamat dan proses sebut harga yang panjang bagi pelantikan kontraktor," katanya.

-- BERNAMA

Headline	COVID-19: Stok bekalan makanan negara cukup		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	28 May 2020	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	7	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	98 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 217
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 651



COVID-19: Stok bekalan makanan negara cukup

SERIAN (Sarawak): Stok bekalan makanan dan barang keperluan asas negara dalam menghadapi tempoh pandemik COVID-19 ketika ini mencukupi, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Alexander Nanta Linggi kelmarin.

Beliau berkata KPDNHEP bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa siap siaga menghadapi sebarang kemungkinan dari segi jaminan makanan agar mampu bertahan walaupun COVID-19 berterusan.

"Bukan sahaja dari segi stok, kita (KPDNHEP) juga memastikan keadaan dan sumber cukup, kita sudah tahu keadaan semasa di negara tempat kita mengimport makanan seperti India yang mengeluarkan daging.

"Begitu juga bekalan beras, contohnya Vietnam pada ketika ini tidak mengekport beras ke Malaysia, kita telah kenal pasti sumber lain untuk mendapatkan bekalan beras," katanya pada sidang media selepas mengadakan tinjauan di pasar basah Serian di sini, kelmarin.

Katanya KPDNHEP menyusun dan mengenal pasti semua strategi untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi, justeru rakyat tidak perlu bimbang walaupun pada musim perayaan.-Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2020	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	14

Bisnes dalam talian bantu nelayan, petani

PERNIAGAAN dalam talian bukan sahaja membantu meneruskan kelangsungan operasi peniaga malah turut membantu nelayan dan petani meneruskan penjualan hasil mereka walaupun dalam keadaan sukar susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan Covid-19.

Buat julung kalinya dalam sejarah, nelayan dan petani mula menjual ikan, daging dan sayur secara dalam talian. Hasil tuaian mereka itu boleh diperolehi dengan banyaknya di platform e-dagang atau media sosial.

Antara platform e-dagang yang menjual barang basah ialah Shopee dan agrobazaar.com. Malah, pasar raya besar seperti Tesco dan Mydin juga tidak ketinggalan menjual stok barang basah mereka yang diambil daripada petani dan nelayan tempatan untuk dijual secara dalam talian. Selain itu, terdapat lagi beberapa platform e-dagang yang menawarkan perkhidmatan sama seperti ganufresh.com, pasarman.com, happyfresh, mygrocer dan sebagainya.

Inisiatif pemain platform e-dagang itu bukan sahaja membantu nelayan dan petani tempatan untuk terus menjana pendapatan pada waktu sukar malah turut menjamin bekalan makanan kepada rakyat Malaysia agar sentiasa mencukupi.

Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho dilaporkan berkata, pelaksanaan PKP pada 18 Mac lalu telah membuka potensi baharu dalam e-dagang apabila barang segar dan produk sejuk beku turut dijual di dalam platform berkenaan.

Katanya, pada April lalu kira-kira 1,000 penjual barang basah seperti nelayan dan petani mula menjual di Shopee sedangkan pada bulan-bulan sebelumnya tiada siapa menjual ikan, sayur, ayam dan daging lembu di platform berkenaan.

Hasil daripada usaha tersebut menyebabkan ada peniaga yang menjual barang basah daripada nelayan dan petani meraih jualan sehingga RM100,000 sebulan.

Walaupun sebahagian besar hasil jualan dalam talian itu bukan secara langsung daripada petani dan nelayan, namun kaedah tersebut telah memberi sinar kepada golongan berkenaan untuk meneruskan kerja masing-masing.

Siapa tahu dengan menggunakan kaedah dalam talian itu suatu hari nanti orang tengah yang didakwa mengambil kesempatan ke atas nelayan dan petani akan terhapus dengan sendirinya.